KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN			

Tanam pokok nadir di kebun musang king, getah haram

KUALA KRAI – Kawasan Hutan Simpan Ulu Galas dekat Kampung Pulai, Gua Musang yang telah diteroka secara haram untuk penanaman musang king dan getah selama 25 tahun akan dimajukan semula dengan tanaman pokok nadir hutan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK), Abdul Khalim Abu Samah berkata, setakat ini, Syarikat Ladang Rakyat yang juga merupakan syarikat milik kerajaan (GLC) akan dilantik untuk menjalankan inisiatif itu selepas mendapat kelulusan kerajaan negeri.

Menurutnya, melalui inisiatif itu, golongan asnaf di negeri ini akan terlibat secara langsung untuk menanam pokok-pokok nadir seperti kerdas, petai, sentul dan lain-lain.

"Penglibatan golongan asnaf ini mampu menjana pendapatan mereka. Mereka yang dipilih ini hanya asnaf rakyat Kelantan tidak mengira kaum yang mempunyai dokumen pengenalan diri.

"Setakat ini, seramai 80 peserta telah berdaftar dengan inisiatif itu. Apabila cukup peserta kelak, kita akan bahagikan tempat tanaman di dalam kawasan seluas 2.4 hektar daripada 90 hektar keseluruhan tanah di situ," katanya.


'Ceroboh hutan satu kesalahan besar'

KERATAN *Kosmo!* 21 Oktober 2021.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada Program Pemuliharaan Gunung Stong di Dabong di sini kelmarin.

Mengulas lanjut Abdul Khalim berkata, JPNK telah menyelesaikan isu pencerobohan kawasan Hutan Simpan Ulu Galas itu dengan 30 peneroka haram di situ secara baik.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, lebih 30 pekebun yang mengusahakan tanaman musang king dan getah di Hutan Simpan Ulu Galas diperintahkan mahkamah mengosongkan tapak tanaman sejak 30 September lalu.

Kosmo 27.11.2021_16